

Perwakilan setuju Anwar tidak dibenar masuk UMNO

KUALA LUMPUR 15 Nov. - Perwakilan UMNO bersetuju bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak dibenarkan menyertai semula parti itu kerana beliau telah menderhaka kepada perjuangan orang Melayu apabila menyarankan hak istimewa Melayu dikaji semula.

Tindak-tanduk bekas Timbalan Presiden UMNO itu juga telah memecahbelahkan ahli-ahli UMNO, kata perwakilan Terengganu, Datuk Rosli Mat Hassan.

Beliau berpendapat Anwar satu ketika dulu menggunakan dakwah negatif untuk memesongkan ahli UMNO.

"Anwar selepas dipecat daripada UMNO menyokong pula parti pembangkang dan kemudian menentang UMNO secara berterusan. Sampai sekarang (dia) masih menentang UMNO," katanya ketika ditemui Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Rosli berkata demikian ketika diminta menengkulang kenyataan Ketua Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein yang menegaskan pergerakan itu tidak akan membenarkan Anwar menyertai semula UMNO.

"Pemuda, tiga tahun dahulu telah membuat pendirian bahawa sesungguhnya mohon macam mana mohonlah, kita tidak akan benarkan beliau masuk parti UMNO sekali lagi. Sekaligus kita beritahu tak payah gembargembur lagi, tak payah spekulasi lagi," tegasnya.

Hishammuddin menyatakan pendirian pergerakan itu ketika membuat ucapan penggulungan pada Perhimpunan Agung Pemuda UMNO di PWTC semalam.

Anwar, 59, dipecat daripada UMNO pada 1998 atas dakwaan salah laku. Desakan supaya Anwar dihalang daripada menyertai UMNO ditimbulkan oleh beberapa perwakilan Pemuda pada perhimpunan agung pergerakan itu.

Rosli berkata, dalam situasi sekarang, gandingan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak telah menguatkan UMNO dan menyatupadukan ahli-ahlinya.

Beliau turut menjadikan Allahyarham Tun Ghafar Baba yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri sebagai contoh ahli UMNO yang baik walaupun pada akhir hayatnya Ghafar tidak memegang jawatan dalam parti dan kerajaan.

"Walaupun Tun Ghafar tidak memegang jawatan penting dalam UMNO, tetapi beliau tidak mengkritik parti, malah beliau cuba membantu memperkukuhkan parti yang memperjuangkan hak Melayu," katanya.

Perwakilan Melaka, Datuk Idris Haron berpendapat Anwar ialah orang yang bercita-cita tinggi untuk memerintah negara dengan menggunakan prinsip 'matlamat menghalalkan cara'.

"UMNO ialah satu kumpulan yang cuba mempertahankan hak-hak Melayu, tetapi yang tidak seronoknya ialah apabila Anwar menyarankan hak-hak orang Melayu perlu dikaji semula," katanya.

Perwakilan Johor, Abdul Halim Suleiman pula berkata, Anwar pernah hampir menghancurkan UMNO semasa berlaku krisis kepimpinan parti pada akhir tahun 1990-an.

"Krisis kepimpinan itu tidak seharusnya sampai memecahbelahkan parti. Tetapi kerana dendam kepada individu tertentu, dia cuba rosakkan parti," kata beliau.